



KEMENTERIAN KEWANGAN NEGERI SABAH

Blok C, Pusat Pentadbiran Negeri Sabah

Jalan UMS, Teluk Likas

88400 KOTA KINABALU

Sabah, Malaysia

Tel. : 088-368000 Faks: 088-213584

Website: www.mof.sabah.gov.my

Tel. : 088-368000
Bil. : KEW:100-4/1/3 (11)
Tarikh : 25 September 2020

Semua Setiausaha Tetap
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Ketua Badan Berkanun Negeri
Mayor Dewan Bandaraya Kota Kinabalu
Semua Presiden Majlis Perbandaran
Semua Pegawai Eksekutif Majlis Daerah
Semua Pegawai Daerah
Semua Penolong Pegawai Daerah Kecil

Y. Bhg. Datuk/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING KEMENTERIAN KEWANGAN NEGERI SABAH BIL.3/2020
PENGURUSAN PUSAT PENDAFTARAN KONTRAKTOR KERJA, BEKALAN DAN
PERKHIDMATAN DAN JURUPERUNDING NEGERI SABAH (PUKONSA)**

1. TUJUAN

- 1.1 Pekeliling ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan dan menjelaskan syarat-syarat dan peraturan pengurusan pendaftaran Kontraktor Kerja, Bekalan Dan Perkhidmatan dan Juruperunding Negeri Sabah (PUKONSA); dan
- 1.2 Menjelaskan penetapan kadar yuran dan kaedah terimaan hasil Kementerian melalui pengeluaran Sijil PUKONSA.

2. LATARBELAKANG

- 2.1 PUKONSA ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri Sabah pada awal 1981 di mana pada ketika itu, PUKONSA merupakan salah satu bahagian dalam Unit Penyertaan Bumiputera (UPB), Jabatan Ketua Menteri (JKM) yang dinamakan sebagai Bahagian PUKONSA.

- 2.2 Pada awal 1988, UPB telah diletakkan di bawah Kementerian Pembangunan Perindustrian sehinggalah pada tahun 1996, Jemaah Kabinet Negeri memutuskan bahawa fungsi PUKONSA ditempatkan di bawah Kementerian Kewangan.
- 2.3 Jawatankuasa Induk dan Jawatankuasa Teknikal ditubuhkan seiring dengan penubuhan Unit PUKONSA sejak awal tahun 1981. Jawatankuasa Teknikal adalah merujuk kepada dua jawatankuasa iaitu **Jawatankuasa Teknikal Kontraktor Kerja** dan **Jawatankuasa Teknikal Kontraktor Bekalan Dan Perkhidmatan**.
- 2.4 Pada tahun 2019, Jawatankuasa Teknikal Kontraktor Bekalan Dan Perkhidmatan telah dipertanggungjawabkan untuk meluluskan permohonan baru sijil PUKONSA bagi perkhidmatan Juruperunding.

3. BIDANG KUASA

- 3.1 Pendaftaran kontraktor yang dikendalikan oleh Unit PUKONSA adalah melibatkan peruntukan-peruntukan di bawah **Arahan Perbendaharaan (AP 11)** yang mana adalah di bawah bidang kuasa dan fungsi Kementerian Kewangan.
- 3.2 Dengan itu, tanggungjawab mengurus tadbir, menetapkan kadar yuran dan kadar terimaan bagi hasil Kerajaan serta pengeluaran sijil-sijil adalah dikendalikan oleh **Kementerian Kewangan Negeri Sabah**.

4. TAFSIRAN

- 4.1 Melainkan sesuatu itu jelas maksudnya di dalam Pekeliling ini, tafsiran di bawah hendaklah diikuti;
 - 4.1.1 **“Sijil PUKONSA”** ialah sijil yang dikeluarkan oleh Kementerian bagi membolehkan kontraktor/juruperunding menyertai sebut harga/tender di bawah peruntukan Kerajaan Negeri tertakluk kepada syarat/peraturan yang telah ditetapkan;
 - 4.1.2 **“Penjawat awam”** adalah pegawai awam Persekutuan, pegawai awam negeri, pegawai Pihak Berkuasa Berkanun (Persekutuan dan Negeri) dan pegawai Pihak Berkuasa Tempatan;
 - 4.1.3 **“Warganegara”** adalah merupakan seseorang warganegara Malaysia yang mempunyai Kad Pengenalan sah yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara dan tertakluk kepada Bahagian III Perlembagaan Persekutuan;

- 4.1.4 “**Kadar**” adalah jumlah atau banyaknya bayaran yang dikenakan oleh Kementerian Kewangan Negeri Sabah;
- 4.1.5 “**Kontraktor Kerja**” ialah syarikat yang mempunyai Sijil PUKONSA bagi membolehkannya melaksanakan projek-projek Kerajaan Negeri yang melibatkan kerja-kerja kejuruteraan;
- 4.1.6 “**Kontraktor Bekalan dan Perkhidmatan**” ialah syarikat yang mempunyai Sijil PUKONSA bagi membolehkannya melaksanakan projek-projek Kerajaan Negeri yang melibatkan bekalan termasuk pemasangan dan perkhidmatan;
- 4.1.7 “**Juruperunding**” ialah syarikat yang mempunyai sijil kepakaran daripada badan-badan bertauliah, dimiliki oleh individu yang mempunyai sijil kepakaran serupa, mempunyai Sijil PUKONSA berdaftar sebagai Juruperunding; dan
- 4.1.8 “**Pegawai PUKONSA**” ialah pegawai yang dilantik atau ditugaskan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan Negeri untuk menguruskan proses pendaftaran permohonan Sijil PUKONSA.

5. PENGURUSAN PENDAFTARAN SIJIL PUKONSA

- 5.1 Pelaksanaan tanggungjawab pengurusan pendaftaran Sijil PUKONSA adalah diselaraskan di bawah **Jawatankuasa Teknikal** yang terbahagi kepada **Jawatankuasa Teknikal Kontraktor Kerja** dan **Jawatankuasa Teknikal Kontraktor Bekalan dan Perkhidmatan dan Juruperunding**.

A) Keahlian **Jawatankuasa Teknikal Kontraktor Kerja** adalah seperti berikut:-

- | | |
|------------|--|
| Pengerusi | - Pengarah Jabatan Kerja Raya Negeri Sabah |
| Setiausaha | - Ketua Penolong Setiausaha, Unit PUKONSA
Bahagian Perolehan, PUKONSA dan Harta Awam |
| Ahli-ahli | - Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Sabah
- Pengarah Jabatan Air Negeri Sabah
- Pengarah Jabatan Pertanian Negeri Sabah
- Setiausaha Rendah
Bahagian Perolehan, PUKONSA dan Harta Awam |

Tanggungjawab **Jawatankuasa Teknikal Kontraktor Kerja** adalah seperti berikut:

i) Meluluskan permohonan sijil PUKONSA bagi permohonan berikut:

Bil.	Kategori Permohonan	Kontraktor
1	Permohonan Baru	Kelas E & Kelas F
2	Daftar Semula	Kelas E & Kelas F
3	Perubahan Kelas	Kelas F Ke Kelas E atau sebaliknya
4	Penambahan Tajuk Besar	Semua Kelas
5	Perubahan Ekuiti Pemegang Saham	Semua Kelas
6	Perubahan Nama Syarikat	Semua Kelas
7	Perubahan Pemilik/Pemegang Saham	Semua Kelas

ii) Mengemukakan syor kelulusan permohonan Sijil PUKONSA kepada Jawatankuasa Induk bagi:

Bil.	Kategori Permohonan	Kontraktor
1	Permohonan Baru	Kelas A, Kelas B, Kelas C, Kelas D, Bekalan/Perkhidmatan Dan Juruperunding
2	Daftar Semula	
3	Perubahan Kelas	

iii) Mengemukakan syor perubahan syarat dan peraturan dalam **Terma Rujukan Dan Peraturan PUKONSA**;

iv) Perkara-perkara lain yang berkaitan.

B) Keahlian **Jawatankuasa Teknikal Kontraktor Bekalan dan Perkhidmatan dan Juruperunding** adalah seperti berikut:-

- | | |
|------------|--|
| Pengerusi | - Setiausaha Rendah
Bahagian Perolehan, PUKONSA dan Harta Awam |
| Setiausaha | - Ketua Penolong Setiausaha, Unit PUKONSA
Bahagian Perolehan, PUKONSA dan Harta Awam |
| Ahli-ahli | - Pengarah Jabatan Kerja Raya
- Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran
- Pengarah Jabatan Air
- Pencetak Jabatan Cetak Kerajaan |

Tanggungjawab **Jawatankuasa Teknikal Kontraktor Bekalan dan Perkhidmatan dan Juruperunding** adalah seperti berikut:

i) Meluluskan permohonan sijil PUKONSA bagi permohonan berikut:

Bil.	Kategori Permohonan	Kontraktor
1	Penambahan Bidang	Bekalan/Perkhidmatan Dan Juruperunding
2	Perubahan Ekuiti Pemegang Saham	
3	Perubahan Nama Syarikat	
4	Perubahan Pemilik/Pemegang Saham	

ii) Membuat syor kelulusan permohonan Sijil PUKONSA kepada Jawatankuasa Induk bagi:

Bil.	Kategori Permohonan	Kontraktor
1	Permohonan Baru	Bekalan/Perkhidmatan Dan Juruperunding
2	Daftar Semula	

iii) Mengemukakan syor perubahan syarat dan peraturan dalam **Terma Rujukan Dan Peraturan PUKONSA**;

iv) Perkara-perkara lain yang berkaitan;

C) Keahlian **Jawatankuasa Induk** adalah seperti berikut:-

- | | |
|------------|--|
| Pengerusi | - Setiausaha Tetap
Kementerian Kewangan Negeri |
| Setiausaha | - Ketua Penolong Setiausaha, Unit PUKONSA
Bahagian Perolehan, PUKONSA dan Harta Awam |
| Ahli-Ahli | - Pengarah Jabatan Kerja Raya Negeri
- Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran
- Pengarah Jabatan Air
- Pengarah Jabatan Pertanian
- Setiausaha Rendah,
Bahagian Perolehan, PUKONSA dan Harta Awam |

Terma rujukan dan fungsi Jawatankuasa Induk meliputi perkara-perkara berikut:

- i) Memperakukan dan mensyorkan kelulusan permohonan Sijil PUKONSA daripada Jawatankuasa Teknikal;
- ii) Memperakukan kelulusan permohonan sijil PUKONSA kepada Pembantu Menteri Kewangan bagi permohonan baru, daftar semula dan perubahan kelas bagi kontraktor kerja Kelas A dan Kelas B;
- iii) Meluluskan permohonan sijil PUKONSA bagi permohonan baru, daftar semula dan perubahan kelas kontraktor kerja Kelas C, Kelas D, Kontraktor Bekalan/Perkhidmatan Dan Juruperunding;
- iv) Penetapan syarat dan peraturan dalam **Terma Rujukan Dan Peraturan PUKONSA**;
- v) Perkara-perkara lain yang berkaitan.

5.2 Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan Negeri Sabah boleh melantik mana-mana pegawai sebagai ahli jawatankuasa teknikal mengikut keperluan dari masa ke semasa.

6. SYARAT DAN KELAYAKAN PERMOHONAN

- 6.1 Pemohon bukanlah seorang penjawat awam. Permohonan daripada penjawat awam adalah tertakluk kepada Arahan Perkhidmatan Awam Negeri Sabah.
- 6.2 Semua pemilik saham dan pengarah syarikat yang berdaftar dengan PUKONSA hendaklah merupakan **warganegara Malaysia** dan **berasal dari Negeri Sabah**. Tertakluk dengan syarat kedua-dua ibubapa pemilik/pengarah syarikat merupakan warganegara dan kedua-dua ibubapa atau salah seorang berasal dari Negeri Sabah.
- 6.3 Pemilik saham/pengarah syarikat kontraktor Kelas F, kedua-dua ibubapa pemohon hendaklah Anak Negeri Asal Sabah seperti diperuntukkan dibawah Interpretation (Definition of Native) Ordinance (Sabah Cap.64), Perkara 41(10) Perlembagaan Negeri Sabah, dan Perkara 161 A (6) (b) Perlembagaan Persekutuan dan mempunyai Status Perniagaan Anak Negeri Sabah.
- 6.4 Jawatankuasa boleh merujuk kepada mana-mana etnik yang dinyatakan di dalam **JADUAL 1** sebagai panduan terhadap Anak Negeri Asal Sabah.
- 6.5 Pemohon hendaklah berumur 18 tahun ke atas.

7. KADAR YURAN

- 7.1 Setiap permohonan akan dikenakan kadar yuran tertakluk kepada kadar yang sedang berkuatkuasa mengikut jenis permohonan oleh Kementerian Kewangan Negeri Sabah.
- 7.2 Kadar Yuran semasa adalah seperti di **JADUAL 2**.

8. KAEDAH PEMBAYARAN

- 8.1 Segala pembayaran hendaklah dibuat secara tunai, wang pos, bank draf atau secara dalam talian (*online*) kepada Bendahari Negeri Sabah.
- 8.2 Penerimaan pembayaran adalah melalui kaunter atau secara dalam talian (*online*), Unit PUKONSA, Bahagian Perolehan, PUKONSA dan Harta Awam, Kementerian Kewangan Negeri Sabah.

9. HASIL KERAJAAN

- 9.1 Hasil dari yuran pendaftaran dikreditkan kepada kod hasil di bawah tajuk pecahan kepala:
- 9.1.1 S00-125-000000-000000-00000000-71201
Yuran Pendaftar Kontraktor-Kontraktor, Bekalan Dan Perkhidmatan dan
- 9.1.2 S00-125-000000-000000-00000000-73102
Jualan Hasil Borang-Borang Kerajaan Negeri Sabah.

10. TARIKH BERKUATKUASA

- 10.1 Surat Pekeliling ini berkuatkuasa mulai dari tarikh ia dikeluarkan.

11. HAL-HAL LAIN

- 11.1 Sebarang pertanyaan mengenai kandungan Surat Pekeliling ini hendaklah dirujuk kepada **Unit PUKONSA, Bahagian Perolehan, PUKONSA dan Harta Awam, Kementerian Kewangan Negeri Sabah.**

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH'

(HAJI RUSDIN RIMAN C.A(M), FCPA(A), CPFA(UK))
Setiausaha Tetap

- s.k : (1) Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri,
Jabatan Ketua Menteri,
Aras 28, Blok A,
Pusat Pentadbiran Negeri Sabah,
Jalan UMS, Teluk Likas,
88400 KOTA KINABALU
- (2) Bendahari Negeri
Jabatan Bendahari Negeri,
Tingkat 10, Blok A,
Pusat Pentadbiran Negeri Sabah,
Jalan Sulaman, Teluk Likas,
88400 KOTA KINABALU
- (3) Pengarah
Jabatan Audit Negara,
Jabatan Audit Negara Malaysia Cawangan Negeri Sabah,
Blok A, Aras 4,
Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Sabah,
Jalan UMS-Sulaman Likas,
88450 KOTA KINABALU

JADUAL 1

BAJAU / SAMA (Balimbing, Bangingi, Banaran [Bindaan], Boan, Buna-Bunaan, Dalawan, Eyakan [Aiyakan], Kagayan, Kiningan, Kubang, Bajau Laut [Laut] [Sama Delaut], Malasa, Palaau, Pamutaran, Pelau, Sama, Samal, Silaud, Sibutu, Sikubung, Simunul, Tabawan, Ubian [Obian], Yayaka)

Bisaya / Besaya / Basaya

Brunei / Berunai (Melayu Brunei, Pembalat)

Dusun / Kadazan / Kadazandusun (Bangkaakon, Bonggi, Bundu, Dalamanson, Dumpas, Gana, Garo, Gobukon, Gonsomon, Gunatong [Kunatong], Kadazan, Kapazan, Kasapang, Kavananan, Kimaragang, Kinasaraban, Kionop, Kisayap, Kisoko, Kiundu, Kivulu, Kogibangan, Kogosingan, Kohub, Kolikuan, Kondoung, Koroli, Kososoluan, Kudundung, Kujau [Kuruyou], Kuriou, Kuruli, Kurulu, Labour, Liwan, Liwogu, Lotud [Suang Lotud], Luba, Malapi, Manampahu, Mankaak, Marudu, Minansut, Minokok, Molobong, Montogung, Nulu, Papar, Pilantong, Pilapazan, Pingas, Pituih, Rungus, Sarayo, Segamo [Sagamo], Segai, Sibuku, Sinandapak, Sinulihan, Sogilitan, Sogo, Sonsogon, Sugut, Sukang, Sungangon, Tagahas, Talantang, Tndaa, Tangara, Tatana, Tempasuk, Tibabar, Tidung [Tidong], Tilau-tilau, Tinagas, Tindal, Tingalun, Tinggalan, Tobilung, Tolinting, Tompios, Tompulung, Tondong, Tonggilan, Tuhawon, Turavid, Tupu, Tutung)

Ida'an / Ira'an / Idayan (Begahak [Bega'ak], Buludupi, Ida'an, Sabahan [Saba'an], Segai', Sibuko, Subpan, Tagalong)

Irranun / Iranun / Illanun

Kedayan/Kadayan

Murut (Alumbis, Ambual, Bakuan [Bookan], Binaung, Bitak., Gana, Kalabakan, Kolod, Kolor [Kolor], Lun Bawang, Lundayeh, Mengalong, Mokioliga, Nabai, Pagalan, Paluan, Pamatang, Rundum, Salilir, Sandiwar, Selungai, Semamba, Sembakung, Serudung, Sinambu, Tagol [Tahol] [Tagal], Takapan, Tenggara, Timugon, Tolokoson)

Orang Sungai / Sungei/ Sungoi (Abai Sungai, Buludupi, Dewara, Ilau-Ilau, Inukang, Kolobuan, Kuamut, Kunatong, Labuk, Lamag, Limputong, Lingkabau, Liwogu, Lobu, Lolobuon, Makiang, Milian, Paitan [Poitan], Puawang, Rumanau, Sabangan, Segama, Sikubayan, Sinobu, Sinorupa [Sinorupo], Sogilitian, Sukang, Sundayo, Sungai, Tagalong, Talab, Talantang, Tayob, Tindakon, Tombonuo)

JADUAL 1 (sambungan)

Suluk (Jayangi, Louk, Lugus, Luuk, Miambang, Parang, Patikul, Saisi, Tapoi, Tapul, Tiangi) **Tidung**
(Bangawon, Bulungan [Bulongan], Kalabakan, Tenggara, Sumbol)

** Latest update list of ethnic groups as of 14 April 2009 (Jawatankuasa Kajian Etnik Negeri Sabah {Sabah Museum, Jabatan Hal Ehwal Anak Negeri Sabah, Mahkamah Anak Negeri Sabah, KDCA, Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah, Pejabat Peguam Negeri Sabah (November 2007)}), ** Latest update was based on the Deraf Rang Undang-undang Enakmen Takrif Anak Negeri 2003*

JADUAL 2**YURAN PEMROSESAN**

BIL.	PROSES	YURAN
1	PERUBAHAN NAMA SYARIKAT PERUBAHAN ALAMAT SYARIKAT PERUBAHAN PEMILIK PERUBAHAN EKUITI PEMEGANG SAHAM	RM 100 *CAJ TIDAK DIKENAKAN SEKIRANYA PERMOHONAN INI DIPROSES BERSAMA-SAMA PERMOHONAN PEMBAHARUAN
2	PERMOHONAN BARU DAFTAR SEMULA	RM 100 (KELAS A, B, C) RM 50 (JURUPERUNDING, BEKALAN, KELAS D, E, F)
3	PENAMBAHAN TAJUK BESAR /KECIL	RM30/TAJUK
4	SURAT PENGESAHAN	RM 10 (SIJIL DALAM PROSES) RM 2 (SALINAN SIJIL)
5	SURAT KEBENARAN KHAS	RM50

YURAN PENDAFTARAN BARU / LUPUT

KELAS	YURAN
A	RM 7,500.00
B	RM 4,500.00
C	RM 1,200.00
D	RM 800.00
E	RM 300.00
F	RM 150.00
BEKALAN & PERKHIDMATAN	RM 500.00
JURUPERUNDING	RM 500.00

JADUAL 2
YURAN PEMBAHARUAN

KELAS	YURAN
A	RM 5,000.00
B	RM 3,000.00
C	RM 800.00
D	RM 400.00
E	RM 200.00
F	RM 100.00
BEKALAN & PERKHIDMATAN	RM 250.00
JURUPERUNDING	RM 250.00

YURAN SURAT KEBENARAN KHAS

KELAS	YURAN
A	RM 10,000.00
B	RM 6,000.00
C	RM 1,600.00
D	RM 800.00
E	RM 400.00
F	RM 200
BEKALAN & PERKHIDMATAN	RM 500.00
JURUPERUNDING	RM 500.00